



MALAYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
Est. 1982

SPECTRUM

MSAE



ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN

SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 01/2023

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2023

Exco MSAE mengucapkan selamat tahun baru 2023. Semoga tahun ini memberi lebih kecemerlangan kepada semua ahli MSAE.



Gambar 1 : Poster Sambutan Tahun Baru

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA

Selamat menyambut Tahun Baru Cina. Exco MSAE mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina 2023 kepada ahli MSAE yang beragama Buddha.




Gambar 2 : Poster Sambutan Tahun Baru Cina

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MSAE KALI KE-40

Pada 9 Mac 2023, MSAE telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-40 secara hybrid di Institut Latihan Fama, Port Dickson, Negeri Sembilan. Ahli dimaklum pembubaran Ahli Jawatankuasa MSAE Sesi 2021/2023. Pelantikan baru Ahli Jawatankuasa MSAE untuk sesi 2023/2025 dilakukan melalui undian ahli MSAE.



Gambar 3 : Mesyuarat Agung Tahunan ke-40 secara hybrid di Institut Latihan Fama, Port Dickson, Negeri Sembilan.



KONVENSYEN KEBANGSAAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN MAKANAN (NAFEC) 2023

Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian Dan Makanan (NAFEC) 2023 anjuran Persatuan Jurutera Pertanian Dan Makanan Malaysia (MSAE) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang telah diadakan pada 8 - 9 Mac 2023. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bertempat di Institut Latihan Fama, Port Dickson, N.Sembilan. Tema konvensyen ini adalah "Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan".



Gambar 5 : Pelacaran dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Chan Foong Hin bersama Prof Ts Dr Rosnah Shamsudin

ANUGERAH TESIS TERBAIK MSAE 2022

Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) buat julung kalinya telah mewujudkan Anugerah Tesis Terbaik MSAE untuk memberi pengiktirafan kepada graduan Bachelor, Master dan PhD yang telah memperkasa kajian dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan pertanian atau makanan. Anugerah ini terbuka kepada pelajar warganegara Malaysia peringkat Bachelor, Master dan PhD sesi 2022 universiti awam.



Gambar 5 : Sesi bergambar bersama pemenang Anugerah Tesis Terbaik MSAE 2022

ANUGERAH MSAE 2023

Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) menganugerahkan Anugerah MSAE 2023 kepada pendidik, penyelidik dan profesional di atas sumbangan yang cemerlang dalam memartabatkan pertanian negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Anugerah ini mempunyai tiga kategori iaitu Anugerah Pendidik Cemerlang, Anugerah Penyelidik Terbilang dan Anugerah Profesional Terbilang.

PENERIMA ANUGERAH	KATEGORI
Ir. Dr. Azmi Dato' Hj. Yahya	Anugerah Pendidik Cemerlang
Datuk Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir	Anugerah Penyelidik Terbilang
Professor Emeritus Dato' Dr. Muhammad Zohadie Bardaie	Anugerah Profesional Terbilang


Jadual 1 : Senarai penerima Anugerah MSAE 2023.



Gambar 6 : Sesi bergambar bersama penerima Anugerah MSAE 2023

SELAMAT MENYAMBUK BULAN RAMADAN 1444 H

Selamat menyambut bulan Ramadan al-Mubarak kepada semua ahli MSAE. Semoga bulan Ramadan kali ini dapat kita bersama-sama meningkatkan amal ibadah lebih baik daripada sebelumnya.



Gambar 7 : Poster sambutan bulan Ramadan.